

Umpama nafas baharu, Sara ringankan beban kos hidup

KOTA KINABALU: Bagi golongan berpendapatan rendah di Sabah bantuan kewangan kerajaan menerusi Sumbangan Asas Rahmah (Sara) memberikan harapan baharu yang membawa kelegaan dalam mengharungi kehidupan seharian.

Ramai penerima menyifatkan inisiatif itu bukan sahaja membantu dari sudut kewangan malah turut memberikan impak besar kepada sosioekonomi keluarga terutamanya bagi yang bergelut dengan kos sara hidup yang semakin menekan.

Suri rumah Mianah Balantis, 63, berkata bantuan yang diterima umpama "tiket" yang membolehkannya membeli keperluan asas serta melunaskan bil utiliti saban bulan menghantui fikiran.

"Bantuan ini datang selepas saya menerima Program Sentuhan Kasih Rakyat (Syukur) daripada kerajaan Sabah. Tak sangka kedua-duanya benar-benar menjadi penyelamat kepada keluarga kami.

"Saya harap bantuan akan diteruskan kerana Sara ini sangat bermanfaat kepada kami yang memerlukan," katanya kepada Bernama sambil tersenyum lebar.

Bagi penjawat awam Norbert Jadi, 52, peningkatan kadar bantuan Sara kepada RM2,100 tahun ini telah mengubah landscape kehidupan keluarganya.

"Seperti resipi rahsia yang diwariskan turun-temurun bantuan ini kini menjadi rahsia kejayaan banyak keluarga di sini untuk bertahan dalam ekonomi yang semakin mencabar.

"Selain perbelanjaan harian saya gunakan bantuan ini untuk menampung keperluan tiga anak yang masih bersekolah," katanya yang menghargai keprihatinan kerajaan terhadap golongan memerlukan.

Pandangan itu turut dikongsi petani Frankey Geoffery, 50, yang menyifatkan bantuan Sara sebagai "nafas baharu" dalam meneruskan kelangsungan hidup.

"Bantuan ini banyak meringankan perbelanjaan rumah. Saya memanfaatkan untuk beli keperluan asas dan barangan persekolahan anak," katanya yang turut menzahirkan penghargaan kepada kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri yang menurutnya amat membantu anaknya yang sedang menuntut di universiti.

"Anak saya di universiti juga telah mener-

ima bantuan ini untuk membiayai keperluan harian dia seperti membeli makanan dan buku tambahan," katanya.

Bagi pekerja kilang, Sonny Shyon Kunta, 22, bantuan Sara disifatkan sebagai "penyelamat" kehidupan hariannya.

"Dengan keadaan sekarang bantuan ini benar-benar membantu kerana dapat meringankan beban terutama untuk kos makanan dan barangan asas terasa begitu lega," katanya.

Program Sara ialah bantuan tunai bersasar yang kini diperluas kepada 5.4 juta penerima merangkumi 700,000 penerima sedia ada dalam eKasih dan 4.7 juta penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Menerusi Belanjawan 2025 peruntukan untuk STR dan Sara ditingkatkan kepada RM13 bilion berbanding RM10 bilion sebelumnya. Kadar bantuan tahunan Sara juga dinaikkan kepada RM2,100 berbanding RM1,200 tahun lepas.

Inisiatif ini selaras dengan kerangka Ekonomi Madani yang menekankan pemerksaan rakyat berpendapatan rendah melalui peluang adil, taraf hidup lebih baik serta perlindungan sosial menyeluruh.

Bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan kerajaan turut mengumumkan pemberian sekali beri sebanyak RM100 kepada semua warganegara dewasa berusia 18 tahun ke atas di bawah program Sara.

Inisiatif itu dijangka memberikan manfaat kepada 22 juta rakyat melibatkan tambahan RM2 bilion menjadikan peruntukan keseluruhan STR dan Sara tahun ini mencecah RM15 bilion sekali gus tertinggi dalam sejarah bantuan tunai negara.

Setakat 29 Julai lepas sebanyak 4,500 premis runcit berdaftar di seluruh negara telah menyertai program Sara dan menawarkan lebih 90,000 barangan keperluan harian dalam 14 kategori termasuk beras, telur, ubat-ubatan, barangan kebersihan, keperluan sekolah dan kebersihan diri.

Menurut Kementerian Kewangan Sara telah mendapat sambutan baik daripada penerima dengan purata penggunaan mencecah 93 peratus untuk tahun ini dengan Sabah antara negeri yang mencatatkan kadar penggunaan tertinggi iaitu 95 peratus tuntutan penggunaan MyKad dalam pembelian di kedai-kedai runcit berdaftar. - Bernama